

Headline	Penyertaan murid dalam kokurikulum membawa hasil		
Media Title	Berita Harian		
Date	19 Nov 2013	Color	Black/white
Section	Sentral	Circulation	192,982
Page No	N5	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	90 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,578
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,735



# Penyertaan murid dalam kokurikulum membawa hasil

**Petaling Jaya:** Dua murid Sekolah Kebangsaan (SK) Sultan Ibrahim 2, Pasir Mas, Kelantan, membuktikan penyertaan mereka dalam aktiviti kokurikulum turut membantu mencapai kecemerlangan menyeluruh termasuk akademik.

Muhammad Nur Anis Mohd Rosli dan Nurul Aliya Shafiqah Mohd Fakri antara murid sekolah terbabit yang mendapat keputusan cemerlang 5A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2013.

Penolong Kanan Hal Ehwal Muridnya, Rozsita Hussain, berkata prestasi mereka sering menonjol berbanding murid lain dan sentiasa mengekalkan kecemerlangan akademik di samping aktif dalam kokurikulum.

## Kepimpinan tinggi

“Mereka adalah antara 18 murid merangkul keputusan 5A dalam UPSR yang turut menyertai pertandingan Bicara Berirama anjuran Lembaga Tabung Haji (TH) baru-baru ini.

“Muhammad Nur Aris Mohd Rosli yang juga anak kepada seorang petani turut dikenali sebagai murid yang memiliki sahsiah diri yang tinggi,” katanya kepada BH.

Rozsita berkata, mereka sentiasa menunjukkan prestasi akademik yang sangat baik serta kepemimpinan tinggi dalam melakukan pelbagai tugas selain bertanggungjawab.

“Pihak sekolah sangat berbangga kerana sebahagian besar peserta yang bertanding pada hari ini mendapat keputusan cemerlang dalam UPSR,” katanya.